

**BORANG PENYERTAAN IBADAH KORBAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN 1441H/2020M**

Kepada:

URUSETIA

Ahli Jawatankuasa Majlis Ibadah Korban,
Kementerian Pendidikan 1441H/2020M.

Tuan/Puan

Sukacita dengan ini, saya berhasrat untuk menyertai ibadah korban yang dianjurkan oleh Kementerian Pendidikan.

Nama: _____

Jumlah Pembahagian: _____ orang.

Bil.	Nama Peserta Ibadah Korban	No. Telefon
1		
2		
3		
4		
5		
6		
7		

Jabatan/Bahagian/Unit/Institusi:

Telefon: _____ (M) _____ (O)

CARA PEMBAYARAN

Cara pembayaran adalah secara tunai (bayaran penuh).

Pembayaran tersebut adalah berdasarkan anggaran pembelian haiwan korban/ harga satu bahagian seperti keterangan berikut:

Anggaran harga se ekor lembu	\$ 2,450.00
Harga satu bahagian (bagi lembu)	\$350.00

Dan saya/kami juga bersetuju mana-mana lebih daripada wang saya/kami yang terkumpul setelah bayaran pembelian haiwan korban akan disedekahkan bagi perkhidmatan/pembelian keperluan majlis ibadah korban.

Bahagian 1/3 daging korban saya/kami:

*[] Di ambil sendiri oleh peserta.

*[] Diserahkan sepenuhnya kepada pihak ahli jawatankuasa untuk diagih-agihkan.

* Sila tandakan [✓] pada salah satu yang berkenaan.

Tandatangan Pemohon Tandatangan Penerima

Tarikh:

Tarikh:

Peringatan: Borang penyertaan berserta pembayaran hendaklah diserahkan kepada pihak berkenaan sebelum 20 Julai 2020

PENGURUSAN KORBAN

Lazimnya ibadah korban yang dilaksanakan secara berkumpulan sama ada atas nama kementerian, jabatan dan sebagainya akan melibatkan hal pengurusan (bagi pembelian, penyembelihan binatang korban, pembungkusan dan pengagihan) yang akan dikendalikan oleh pihak jawatankuasa kerja.

Sehubungan dengan itu, peserta ibadah korban hendaklah menyerahkan kuasa bagi pengurusan perkara berkenaan kepada pihak ahli Jawatankuasa kerja dengan berakad (melafazkan sesuatu perkataan samaada secara *sharih* ataupun *kinayah* yang menyatakan bahawa peserta ibadah korban itu telah melantik wakil untuk menguruskan perkara berkenaan dengan keredhaan hatinya).

Antara contoh akad *wakalah* (melantik wakil adalah seperti berikut:

AKAD KORBAN (WAKALAH) UNTUK DIRI SENDIRI

Saya (**Nama Peserta Ibadah Korban**) bersetuju mewakilkan **Ustaz Mohammad Hazmi bin Haji Ahmad Daud** untuk membeli dan menguruskan pengendalian korban sunat bagi diri saya pada tahun ini kerana Allah Ta'ala.

AKAD KORBAN (WAKALAH) UNTUK ORANG LAIN

Saya sebagai wakil (**Nama Peserta Ibadah Korban**) bersetuju mewakilkan **Ustaz Mohammad Hazmi bin Haji Ahmad Daud** untuk membeli dan menguruskan pengendalian korban sunat bagi diri saya pada tahun ini kerana Allah Ta'ala.

IBADAH KORBAN

Ibadah Korban merupakan suatu ibadah yang sangat digalakkan di dalam Islam, khususnya bagi mereka yang berkemampuan dari segi kewangan.

Ibadah Korban telah disyariatkan oleh Allah *subhanahu wa ta'ala* pada tahun Kedua Hijrah. Firman Allah *subhanahu wa ta'ala* dalam Surah al-Kautsar ayat 1-2 yang bermaksud:

“Sesungguhnya Kami telah memberikan kepadamu nikmat yang banyak. Maka dirikanlah solat kerana Tuhanmu, dan berkorbanlah (menyembelih haiwan korban dan mensyukuri nikmat Allah).”

Dan firman Allah *subhanahu wa ta'ala* dalam surah al-Hajj ayat 34 yang bermaksud:

“Dan bagi tiap-tiap umat telah Kami syariatkan penyembelihan (korban), supaya mereka menyebut nama Allah terhadap binatang ternak yang telah direzekikan Allah kepada mereka...”

Korban dari segi *Syara'* bermaksud menyembelih binatang ternak yang terdiri daripada unta, lembu, kambing dan kibas pada Hari Raya Korban (Aidil Adha) iaitu pada 10 Zulhijjah (selepas solat hari raya Aidil Adha) sehingga tergelincir matahari pada hari terakhir *Tasyrik* iaitu 13 Zulhijjah dengan tujuan mendekatkan diri kepada Allah *subhanahu wa ta'ala*.

Hukum melaksanakan ibadah korban menurut pandangan *jumhur* ulama adalah sunat *muakkadah* bagi setiap individu yang berkemampuan. Pandangan ulama mazhab Syafi'e adalah sunat bagi setiap orang sekali dalam seumur hidup. Menurut pandangan yang *mahsyur* di kalangan ulama mazhab

Maliki adalah makruh meninggalkannya bagi mereka yang mampu. Manakala bagi mereka yang berniat untuk melakukan korban nazar maka hukum melaksanakannya adalah wajib.

HIKMAH KORBAN

Ibadah korban disyariatkan adalah sebagai tanda syukur terhadap Allah *subhanahu wa ta'ala* atas segala nikmat-Nya yang berbagai-bagai dan juga atas peluang dan kesempatan hidup dari tahun ke tahun.

Selain itu, ibadah korban juga bertujuan menjadi *kifarah* (penebus dosa) bagi pelakunya sama ada disebabkan kesilapan-kesilapan yang telah dilakukan, ataupun dengan sebab kecuaiannya dalam menunaikan kewajipan di samping memberikan ketenangan dan ketenteraman kepada keluarga orang yang berkorban dan juga orang lain.

HUBUNGI KAMI

Sebarang pertanyaan dan penjelasan lanjut, bolehlah menghubungi pihak Urusetia Ahli Jawatankuasa Kerja Majlis Ibadah Korban Kementerian Pendidikan Tahun 1441H / 2020M di talian:

2380351 atau 2381133 ext 2006 /2027 (DE)
2381256 (UHEA)

Atau

Call/sms/whatsapp
7191967 [hp]
8242627 [hp]
8754840 [hp]



كَمْتَرِين قَدِيدِين
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
MINISTRY OF EDUCATION

BORANG PENYERTAAN IBADAH KORBAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN 1441H/ 2020M

Pengendali dan Penyelaras Bersama:

Jabatan Peperiksaan
Dan
Unit Hal Ehwal Antarabangsa

Kementerian Pendidikan
Negara Brunei Darussalam